

KERATAN AKHBAR  
(Bahagian Canselor)

Surat khabar: Berita Harian (Varsiti)  
Hari/Tarikh: 3/3/2016  
Muka surat: V14

Tajuk : Ringankan beban mangsa banjir

## Ringankan beban mangsa banjir



Ahli PPU dan MPP UNIMAS bersama-sama sebahagian anak mangsa banjir di Pusat Pemindahan Banjir Dewan Tupong Jaya.

**Kuching:** Simpati dengan nasib lebih 5,000 mangsa banjir sekitar daerah ini dan daerah Bau baru-baru ini, warga Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) turun padang menyampaikan sumbangan bagi meringankan beban mereka.

Dua pusat pemindahan banjir menjadi lokasi penyerahan sumbangan iaitu Dewan Suarah Kuching yang menempatkan 779 mangsa dan Dewan Tupong Jaya Bau yang menjadi lokasi penempatan 332 mangsa banjir.

Program turut disertai 25 kakitangan Persa-

tuan Pengurus UNIMAS (PPU) dan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS.

Presiden PPU, Mohd Husaini Noorjaya Chew, berkata sumbangan berupa makanan dan minuman selain khidmat kaunseling bagi memberi sokongan emosi kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa banjir.

### Bantu komuniti

Katanya, wakil UNIMAS bersama-sama beberapa badan bukan kerajaan dan Jabatan Kebajikan Masyarakat turut bekerjasama memasak dan menyediakan hidangan untuk

dinikmati mangsa di pusat berkenaan.

"Kerjasama erat semua pihak sangat diperlukan bagi memastikan mangsa banjir memperoleh bantuan secukupnya."

"Walaupun jumlah bantuan mungkin kecil, sekurang-kurangnya dapat meringankan beban ditanggung mereka sepanjang menghuni pusat pemindahan," katanya.

Sementara itu, Pendaftar UNIMAS, Abu Bakar Ibrahim, program berkenaan sebahagian usaha di bawah Tabung UNIMASku Sayang yang diwujudkan tahun lalu bagi membantu komuniti yang memerlukan.

"Sebelum ini, beberapa pihak telah menerima bantuan menerusi tabung itu seperti mangsa banjir di Pahang dan Kelantan pada tahun lalu."

"Bantuan sama turut disalurkan kepada mangsa kebakaran di Kampung Asajaya Ulu pada November 2015 dan mangsa kebakaran di Kampung Tambirat pada bulan lalu," katanya.



Sesi penyampaian sumbangan kepada mangsa kebakaran di Kampung Tambirat.